JAWATANKUASA INDUK PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SESI 2011/2012

NOTIS PENGISYTIHARAN PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SESI 2011/2012

1. Mengikut Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Seksyen 53, maka saya mengisytiharkan bahawa satu pemilihan untuk memilih seramai 24 anggota Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2011/2012 akan diadakan pada **22 Februari 2011 (Selasa), mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.**

2. Pemilihan anggota Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Pahang yang berdaftar bagi tiap-tiap fakulti adalah seperti yang berikut:

A. Pelajar Berdaftar Fakulti

a)	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian	- 2 anggota/kerusi
b)	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	- 2 anggota/kerusi
c)	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam	- 2 anggota/kerusi
d)	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	- 2 anggota/kerusi
e)	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	- 2 anggota/kerusi
f)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi	
	-Jabatan Kejuruteraan Pembuatan	- 2 anggota/kerusi
	-Jabatan Pengurusan Teknologi	- 2 anggota/kerusi
g)	Fakulti Sains dan Teknologi Industri	- 2 anggota/kerusi
B.	**Wakil Umum**	- 8 anggota/kerusi
	Jumlah:	24 anggota/kerusi

3. Tarikh Pencalonan dan Pengundian

a)	Pencalonan dibuka secara 'on-line'	- 16/02/2011 (Rabu) jam 9.00 pagi hingga 17/02/2011 (Khamis) jam 9.00 pagi.
b)	Pengesahan pencalonan oleh Dekan (kerusi Fakulti) dan Penolong Naib Canselor HEPA (kerusi Umum) secara 'on-line'	- 16/02/2011 (Rabu) jam 10.00 pagi hingga 17/02/2011 (Khamis) jam 10.00 pagi.
c)	Pengumuman calon yang layak bertanding Tempat : Dewan Astaka, UMP	- 17/02/2011 (Khamis) 10.30 pagi.
d)	Rayuan, bantahan dan penarikan diri	- 17/02/2011 (Khamis) 10.30 pagi – 11.30 pagi
e)	Pengumuman akhir calon yang bertanding (jika ada pindaan)	- 17/02/2011 (Khamis) 12.00 tengahari
f)	Sesi Fotografi di Dewan Astaka (wajib bagi semua calon)	- 17/02/2011 (Khamis) 12.30 – 2.30 ptg.
g)	Taklimat kepada calon yang bertanding di Dewan Astaka	- 17/02/2011 (Khamis) 3.00 ptg
h)	Kempen Pemilihan	- 17/02/2011 (Khamis) mulai 5.00 ptg sehingga 21/02/2011 (Isnin) 11.59 mlm
i)	Hari Mengundi Tempat : Kompleks Sukan, UMP & FKEE UMP Kampus Pekan	- 22/02/2011 (Selasa) 9.00 pg – 5.00 ptg
j)	Pengumuman jumlah undi Tempat : Kompleks Sukan UMP	- 22/02/2011 (Selasa) - Selepas selesai semakan JK Audit

k)	Rayuan dan bantahan penjumlahan undi	- 22/02/2011 (Selasa) - Selama 30 minit selepas pengumuman jumlah undi
l)	Pengumuman keputusan Pemilihan Tempat : Kompleks Sukan, UMP	- 22/02/2011 (Selasa) - Selepas selesai proses rayuan dan bantahan penjumlahan undi
m)	Rayuan dan bantahan keputusan Pemilihan	- 22/02/2011 (Selasa) - 30 minit selepas pengumuman keputusan pemilihan
n)	Keputusan Rasmi Pemilihan MPP Sesi 2011/2012 *(jika ada pindaan)*	- 23/02/2011 (Rabu)
o)	Mesyuarat Pembentukan Kabinet MPP sesi 2011/2012	- 23/02/2011 (Rabu)
p)	Majlis Penyerahan Watikah Lantikan MPP Sesi 2011/2012 Dewan Banquet, Canseleri	- 25/02/2011 (Jumaat) - Jam 8.30 pagi

4. Pihak universiti merakamkan jutaan penghargaan atas sumbangan cemerlang barisan MPP sesi 2010/2011 yang telah diberikan. Sekian untuk makluman dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

(PROFESOR DR. BADHRULHISHAM BIN ABDUL AZIZ)
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa
Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP
Sesi 2011/2012

s.k.
- YH. Dato' Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi
- Pendaftar
- Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- Dekan-Dekan Fakulti
- Ketua Bahagian Keselamatan
- Yang Dipertua MPP Sesi 2010/2011

TATACARA DAN PERATURAN
BAGI PEMILIHAN AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SESI 2011/2012

1. Pelajar berdaftar Universiti Malaysia Pahang hendaklah menjadi suatu badan yang dinamakan persatuan pelajar Universiti, yang kemudiannya disebut Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Pahang dan hendaklah dipilih dengan undi rahsia yang kesemuanya disediakan oleh Universiti Malaysia Pahang.

2. Tarikh Penamaan Calon Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada **17 Februari 2011 (Khamis)** dan tarikh Pengundian pada **22 Februari 2011 (Selasa).**

3. Pelajar berdaftar Universiti dan telah memasuki peperiksaan yang pertama dan tidak pernah diambil tindakan tatatertib adalah layak dipilih sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar.

4. Calon yang bertanding tidak dibenarkan membentuk kumpulan. Calon bertanding atas nama diri masing-masing. Sebarang poster, *banner* atau lain-lain yang berkaitan tidak boleh memperlihatkan kewujudan kumpulan.

5. Calon juga tidak dibenarkan menerima sebarang bantuan kewangan daripada orang perseorangan atau badan luar. Sesiapa yang bukan pelajar Universiti tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam Pemilihan kecuali mereka yang dilantik secara rasmi oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JIPMPP).

6. Borang pencalonan akan dibuka secara *'on-line'* pada **16 Februari 2011 (Rabu) mulai jam 9.00 pagi** dan ditutup **pada 17 Februari 2011 (Khamis) jam 9.00 pagi.** Keputusan pengesahan kelayakan calon dibuat secara *'on-line'* pada **16 Februari 2011 (Rabu)** mulai jam **10.00 pagi** sehingga **17 Februari 2011 (Khamis) 10.00 pagi** oleh Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (kerusi Umum) dan Dekan-Dekan Fakulti masing-masing (kerusi Fakulti).

7. Nama calon yang layak bertanding akan diumumkan di Dewan Astaka, secara *'on-line'* dan dipamerkan di papan kenyataan hadapan JHEPA **pada 17 Februari 2011 (Khamis) jam 10.30 pagi.**

8. Rayuan, bantahan dan penarikan diri pencalonan diterima **pada 17 Februari 2011 (Khamis) jam 10.30 pagi sehingga 11.30 pagi.**

9. Pengumuman akhir calon yang layak bertanding akan diadakan di Dewan Astaka dan secara *on-line* **17 Februari 2011 (Khamis) jam 12.00 tengahari** sekiranya ada.

10. Taklimat Tatacara dan Peraturan Pemilihan MPP kepada calon akan diadakan **pada 17 Februari 2011 (Khamis) jam 3.00 petang di Dewan Astaka, UMP.**

11. Calon Pemilihan dibenarkan menjalankan kempen dari **17 Februari 2011 (Khamis) mulai jam 5.00 petang sehingga 21 Februari 2011 (Isnin) jam 11.59 malam** di tempat-tempat yang dikhaskan oleh JHEPA. Segala bentuk kempen hendaklah diberhentikan jam **12.00 malam pada 21 Februari 2011 (Isnin).**

12. Poster-poster pemilihan akan disediakan oleh JHEPA. Manakala manifesto kempen akan dikemukakan oleh calon untuk disahkan oleh JHEPA dan calon-calon akan mengantung di tempat-tempat yang strategik.

13. Semua pengundi boleh mengundi di tempat-tempat yang dikhaskan sahaja. Disediakan 2 Pusat Mengundi iaitu Kompleks Sukan Kampus Gambang dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) Kampus Pekan dengan masing-masing 30 dan 15 buah komputer akan disediakan. Pengundian akan dijalankan mulai jam **9.00 pagi hingga 5.00 petang, 22 Februari 2011 (Selasa).**

14. Taklimat tatacara pengundian secara *'on-line'* kepada calon akan diadakan jam **8.00 pagi pada 22 Februari 2011 (Selasa).**

15. Tiap-tiap pengundi akan mengundi secara *'on-line'* untuk memilih sembilan (9) kerusi (2 kerusi fakulti dan 7 kerusi umum). Pengundian yang tidak mengikuti ketetapan di atas akan di*reject* oleh sistem.

16. Pengumuman jumlah undi akan diadakan selepas JK Audit selesai membuat semakan di Kompleks Sukan, Kampus Gambang. Calon atau wakil calon dikehendaki hadir semasa pengumuman dijalankan.

17. Rayuan dan bantahan penjumlahan undi boleh dilakukan selama 30 minit selepas pengumuman jumlah undi.

18. Pengumuman keputusan rasmi Pemilihan tersebut akan dibuat oleh Pengerusi JIPMPP di Kompleks Sukan sebaik sahaja proses rayuan dan bantahan selesai.

19. Semua rayuan dan bantahan terhadap proses dan keputusan rasmi Pemilihan hendaklah dikemukakan hanya kepada Naib Canselor, Universiti Malaysia Pahang dalam masa 30 minit selepas diumumkan.

20. Keputusan rasmi selepas rayuan dan bantahan akan diumumkan pada **23 Februari 2011 (Rabu).**

21. Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP UMP sesi 2011/2012 berhak membatalkan pencalonan mana-mana calon yang didapati menyalahi mana-mana tatacara dan peraturan pemilihan ini.

Dikeluarkan oleh :

Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP Sesi 2011/2012

*Peraturan di atas tertakluk kepada sebarang perubahan (jika perlu).